

**Wakil BN Anggap Ladang Rakyat Di Gua Musang Gagal  
Bernama  
October 19 , 2011**

KOTA BAHARU, 19 Okt (Bernama) -- Dua projek Ladang Rakyat di Gua Musang yang dilaksanakan kerajaan Pas Kelantan dianggap sebagai gagal dan mengalami kerugian sejak dilaksanakan lima tahun lepas.

Perkara itu dibangkitkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri Rabu oleh Datuk Nozula Mat Diah (BN-Paloh) yang meragui kejayaan pelaksanaan projek berkenaan di kawasan Limau Kasturi dan Paloh 4, yang kononnya untuk membantu rakyat.

Beliau mendakwa sehingga kini terdapat kawasan di dua lokasi Ladang Rakyat itu yang masih tidak ditanam dengan pokok kelapa sawit.

"Pelaksanaan Ladang Rakyat di Limau Kasturi dan Paloh 4 itu sudah tidak berjaya dan ini yang kita musykilkan kerana ia telah dilaksanakan sejak lima tahun lalu," katanya.

Datuk Abdul Aziz Derashid (BN-Kuala Balah) pula meminta kerajaan negeri mengeluarkan senarai nama induk peserta Ladang Rakyat bagi memastikan sama ada kesemua mereka itu terdiri daripada penyokong Pas.

Timbalan Menteri Besar Datuk Ahmad Yakub ketika menjawab soalan itu menafikan pelaksanaan program Ladang Rakyat itu mengalami kegagalan sebaliknya menjelaskan bahawa peserta projek telahpun menerima dividen.

Beliau mengakui hasil ladang yang ditanam di ladang itu ada sesetengah tempat telah mengalami kerosakan akan serangan haiwan liar.

"Kerajaan negeri InsyaAllah akan mengeluarkan senarai penuh nama peserta yang menyertai Ladang Rakyat dan kami menafikan berlakunya sebarang rampasan tanah milik rakyat itu," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi Negeri, Che Abdullah Mat Nawi pula memberitahu dewan bahawa operasi Terminal Agrobisnes Negara (Teman) sama sekali tidak memberi kesan negatif kepada Pasar Borong Wakaf Che Yeh dan pasar-pasar lain di negeri itu.

Kerajaan negeri mahu melihat operasi di Wakaf Che Yeh itu tidak berubah tetapi pihaknya akan membuat kajian menyeluruh mengenai kesan kewujudan Teman di Kelantan, katanya ketika menjawab soalan Abdullah Ya'kub (PasS-Air Lanas).

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620991>